

Ada batas kemampuan DBKK tangani banjir: Mayor

Neil Chan DE 26.8.2017 3

KOTA KINABALU: Mayor Datuk Yeo Boon Hai berkata corak cuaca dan taburan hujan yang tinggi sekarang ini merupakan salah satu sebab utama kepada kejadian banjir berleluasa di bandaraya tidak lama dahulu.

“Memang benar, hujan yang lebih banyak merupakan salah satu faktor utama yang membawa kepada banjir di Kota Kinabalu dan kawasan sekitar.

“Semua orang tahu ini bukan satu alasan tetapi kita juga perlu bertimbang rasa. Jika ia kesilapan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) maka kami akan menerimanya.

Kami bersimpati kepada mereka yang terjejas tetapi ada had kepada apa yang kami dapat lakukan. Malah Hongkong dan Macau juga mengalami banjir pada waktu itu.”

“Corak cuaca masih tidak menentu jadi saya menggesa orang ramai supaya sentiasa waspada dan lebih berhati-hati. Mereka yang berada di kawasan mudah banjir kilat khususnya harus berjaga-jaga dengan

cuaca hujan dan mengambil tindakan untuk mengalihkan kenderaan mereka ke kawasan tinggi sebagai langkah berjaga-jaga.”

Bagaimanapun, beliau berkata kakitangan DBKK telah melakukan pemeriksaan mereka, membersihkan dan membuat tindakan susulan terhadap parit dan saluran air di bandaraya sejak insiden banjir terakhir.

“Sebagai satu contoh kerja dijalankan oleh DBKK selepas banjir disebabkan hujan yang berlangsung empat hari dari Ahad hingga Rabu,” Yeo berkata, “penduduk Dah Yeh Villa meminta bantuan DBKK untuk mengalihkan sampah dan serpihan yang hanyut ke kawasan mereka, kami membantu mereka dalam kerja pembersihan.

“Di Tebobon, kami juga memperuntukkan RM7-8 juta untuk menambah baik aliran sungai di situ dan RM70 juta juga untuk Manggatal. Untuk Lido, sungai Moyog peruntukannya adalah kira-kira RM268 juta.”

Yeo berkata Menteri Pembangunan

Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad Ayid juga meneliti bantuan kebajikan khas untuk diberikan ke kawasan terjejas teruk termasuk Kg Rampayan Laut.

Beliau berkata demikian apabila ditemui pemberita selepas merasmikan majlis penghargaan Majlis Penghargaan Peserta Program GAP YEAR (Summer volunteerism) di DBKK, Jumaat.

Semasa majlis, seramai 29 peserta program tersebut merangkumi penuntut Universiti Malaysia Sabah menerima sijil penghargaan mereka untuk program itu yang berlangsung dari 5 Julai hingga 30 Ogos.

Penuntut sukarelawan terbabit secara aktif bekerjasama dengan DBKK dalam pelbagai program dan aktiviti termasuk Ops Kutu Sampah, gotong-royong dan lawatan promosi kebersihan ke kawasan-kawasan perumahan dan premis perniagaan bersama jabatan-jabatan DBKK.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor UMS (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Ismail Ali.



YEO menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang penuntut sukarelawan.